

SAS Berjaya Anjur Majlis Makan Malam Amal, Bina Dewan Terbuka Sekolah



Seramai 730 orang tetamu telah menghadiri Majlis Makan Malam Amal Sekolah Menengah St. Anthony W.P.Labuan pada malam 29 Julai 2017 bertempat di Dewan Serbaguna Blessed Sacrament W.P.Labuan. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Rozman Bin Datuk Hj. Isli Ahli Parlimen P166 W.P.Labuan. Turut hadir dalam majlis berkenaan ialah YB Senator Datuk Hj. Bashir Bin Hj. Alias serta Tuan Raisin Bin Saidin Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan W.P.Labuan.



Puan Dona Undoh selaku Pengetua sekolah SM St. Anthony mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Datuk Rozman Bin Datuk Hj. Isli yang telah menyumbangkan RM20,000.00 bagi projek pembinaan Dewan Terbuka (Open Hall) sekolah. Manakala YB Senator Datuk Hj. Bashir Bin Hj. Alias telah menyumbangkan RM5,000.00.

Pengerusi penganjur iaitu Dr. Baby Chong Vui Hiong telah menyumbangkan derma sebanyak 8888.88 dan berjaya mendapatkan penaja dan penyumbang terbanyak dalam projek ini.

Begitu juga kepada YDP Mr Chia Sia Theng yang telah menyumbangkan 6000.00 diikuti dengan Dato Sri Goh Sin Han, Mr Goh Chan, Dato Robert Seah Kiat Cheong, Mr Paul Ipoh, Mr Wong Tack Peng dan Dato Celestine Kong (from Singapore), mereka ini menyumbangkan 5000.00 setiap seorang. Manakala penyumbang RM3000.00 ialah Mr. Teo Chee Wah, Utama Jaya/Milimewah/Labuan Supermarket dan Harison Sabah Sdn. Bhd.



YB Datuk Rozman Bin Datuk Hj. Isli mengumumkan sumbangan sebanyak RM20,000.00 bagi projek pembinaan Dewan Terbuka SAS.



Sumbangan RM8888.88 dari Dr Baby Chong Vui Hiong kepada YDP PIBG En Chia Sia Theng



Sumbangan peribadi RM6,000.00 dari Encik Chia Sia Theng

Pengetua sekolah juga mengucapkan terima kasih, syabas dan tahniah kepada PIBG di bawah pimpinan YDP En Chia Sia Theng atas penganjuran projek Fund Raising ini. Setinggi-tinggi penghargaan atas usaha dan komitmen yang tinggi Pengerusi Penganjur Charity Dinner SAS pada tahun 2017 iaitu Dr . Chong Vui Hiong. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada semua murid yang terlibat dalam menyampaikan persembahan seperti tarian dan nyanyian . Bakat murid-murid juga amat terserlah dalam bermain alat muzik seperti gitar dan piano.



Tuan Raisin Menyampaikan Anugerah Fund Raiser Terbanyak kepada Dr Baby Chong Vui Hiong.

Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua EXSAS yang datang dari jauh dan dekat semata-mata untuk menyokong Charity Dinner SAS. " Anda semua tetap di hati kami dan anggaplah malam ini juga adalah malam reunion bagi anda semua dan teruslah menyokong kami warga SAS".



Tuan Raisin bersama warga SAS dan EXSAS

Pn Dona berharap dengan sumbangan yang terkumpul sebanyak 170, 900.00 (Pendapatan kasar) akan dapat merealisasikan impian seluruh warga sekolah untuk membina sebuah dewan terbuka bagi kemudahan murid-murid di SM St. Anthony. Dewan ini bukan sahaja digunakan sebagai tempat perhimpunan murid pada setiap hari malahan boleh digunakan untuk mengadakan aktiviti kokurikulum dan juga program akademik yang lain. Beliau mengucapkan terima kasih atas komitmen guru-guru yang bekerja dalam semangat sepasukan yang tinggi bersama-sama dengan AJK PIBG.

Sumber Berita : Puan Dona Undoh



Persembahan tarian sambut tamu yang diketuai oleh adik Aiman Afiq Bin Ismail